

# 400 peserta empowerNCER dirai

Berjaya tamat kursus latihan kemahiran, jana pendapatan sehingga M40, T20

**Lenggong:** Seramai 400 peserta sekitar Hulu Perak dan Kuala Kangsar diraikan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) susulan kejayaan mereka menamatkan latihan kemahiran dan keusahawan yang berlangsung di antara enam hingga 12 bulan di bawah program empowerNCER di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, berkata program itu menyasar penyertaan golongan wanita, belia dan graduan menganggur daripada keluarga B40 serta Orang Asli dengan menggunakan pendekatan bagi meningkatkan kemahiran supaya mereka mampu bersaing dan merebut peluang ekonomi yang tersedia.

"Pelaksanaan program ini selari hasrat kerajaan negeri untuk meningkatkan kemahiran dan pendapatan rakyat melalui usa-



Saarani berucap pada majlis di Dewan Serbaguna Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong. (Foto ihsan UMP Advanced)

ha pembasmian kemiskinan secara menyeluruh dengan sedaya upaya mengubah taraf hidup masyarakat B40 agar mereka menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Saya gembira melihat inisiatif oleh NCIA dan UMP Advanced dalam menyokong usaha kerajaan negeri membangunkan kapasiti rakyat ini," katanya ketika berucap pada majlis itu yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kolej Kemahiran Tinggi MARA Lenggong.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader

Sultan, berkata majlis berkenaan juga diadakan bagi memperkenalkan kepada komuniti setempat, program empowerNCER yang dirangka berpandukan keperluan sosioekonomi dan industri sedia ada.

### Pelajar kemahiran baharu

"Pencapaian yang memberangsangkan ini hasil strategi integrasi program modal insan NCER dalam menyokong sasaran Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk mencapai sifar kemiskinan terag menjelang 2025.

"Peserta program empowerN-



Saarani menyampaikan Anugerah Ikon Lelaki Terbaik peserta program empowerNCER.

CER akan mempelajari kemahiran baharu yang bakal membolehkan mereka bekerja berasaskan kemahiran dipelajari atau menjadi usahawan bagi meningkatkan pendapatan.

"Hal ini secara langsung dapat membantu mengeluarkan mereka dan keluarga daripada belenggu kemiskinan serta mewujudkan ekosistem keusahawanan," katanya.

Belliau berkata, semua peserta mengikuti kursus kemahiran dan keusahawanan selama enam hingga 12 bulan, mengikut modul ditetapkan dengan tempoh pem-

belajaran minimum 90 jam.

Katanya, modul yang dirangka merangkumi komponen teori dan memberi penekanan kepada komponen praktikal di mana peserta disasarkan untuk mula menjana pendapatan seawal minggu kedua latihan.

"Tempoh bimbingan dan pemantauan selama enam bulan (selepas tamat latihan) turut diberikan bagi memastikan peserta dapat menjana pendapatan secara mampan, sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi keluarga masing-masing," katanya.